

05 JAN 2002

Mahathir-Pengganas

MALAYSIA TIDAK BOLEH DIPERSALAHKAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 5 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak boleh dipersalahkan terhadap "Peristiwa Sept 11" yang berlaku di Amerika Syarikat kerana tidak mengambil tindakan awal menahan dua orang yang disyaki terbabit ketika mereka berada di negara ini.

Beliau berkata mereka memasuki negara ini sebagai pelancong biasa.

"Mana kita tahu (mereka itu pengganas), kalau Boeing tak buat kapal terbang atau pilot (juruterbang) kapal terbang sakit perut tidak jadi bawa kapal terbang, tak jadi juga (Peristiwa 11 Sept)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri Kementerian Luar di Wisma Putra di sini.

Beliau diminta mengulas berita yang disiarkan Berita Harian Singapura dua hari lepas yang memetik laporan majalah Jane's Intelligence Review bahawa serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington boleh dielakkan jika Malaysia menangkap kedua-dua pengganas terbabit ketika mereka berada di negara ini.

Dua lelaki itu Khalid al-Mihdhar dan Nawaf Al-Hazmi, yang dikatakan terbabit dalam serangan itu, dikesan berada di negara ini pada 5 hingga 8 Jan tahun lepas.

Dr Mahathir berkata berita seumpama itu seolah-olah sengaja mahu mencari masalah dengan Malaysia sambil menambah "kita pun boleh buat tuduhan macam itu".

"Orang itu datang ke sini sebagai pelancong. Takkan kita nak tanya dia awak pengganas ke...tentu dia jawab tidak," kata beliau.

Dr Mahathir berkata: "Bila dia datang sini kita anggap dia sebagai pelancong, melainkan ada bukti dia pengganas baru kita tangkap."

Ditanya sama ada Malaysia menjadi pangkalan pengganas, Dr Mahathir berkata bukan sahaja Malaysia malahan mana-mana negara pun boleh terdedah kepada kemungkinan itu.

"Orang ini bukannya kita kenal, sepertimana kita memerangi pengganas komunis dulu, siang hari dia jadi ahli perniagaan atau penjaja, malam dia jadi pengganas," katanya.

Mengenai tangkapan terbaru anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang diumumkan polis semalam, Dr Mahathir berkata kerajaan akan meneruskan usaha memburu anggota KMM walaupun mereka belum membuat sesuatu di Malaysia.

Beliau berkata kerajaan tahu di Indonesia, kumpulan yang mempunyai kaitan dengan mereka telah meletupkan bom dan mereka juga boleh berbuat demikian di Malaysia.

Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai mengumumkan semalam bahawa 13 anggota sayap kedua KMM termasuk seorang pensyarah universiti ditahan dalam operasi polis sejak 9 Dis hingga Khamis lepas.

-- BERNAMA

AKT AZZ NAK